



يونيورسيتي كبتسان مليسيا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

TELEGRAM: "UNIKEB" TEL: 03-8250001, 8250601, 8250701

TELEX: UNIKEB MA 31496 FAX: 03-8256484

ILMU MEMIMPIN

26

Jabatan Bendahari.

Rujukan : UKM 3.1/228/8 Jld. VI

Tarikh : // Mac 1998

## PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/98

Semua Dekan Fakulti  
Semua Pengarah Institut/Pusat  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### PENGESAHAN PENERIMAAN BEKALAN BARANG/PERKHIDMATAN/KERJA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Universiti telahpun memulakan perolehan secara berkomputer dengan menggunakan borang pesanan rasmi yang baru melalui Sistem Kewangan Universiti.
3. Bagi urusan bayaran kepada pembekal dengan pesanan rasmi baru ini, sukacita mendapat kerjasama YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan mengisi ruang maklumat perakuan dan ruang maklumat untuk bayaran di muka belakang pesanan rasmi asal. Maklumat perakuan hendaklah diisi dan ditandatangani oleh penerima bekalan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan penerima/Ketua Projek berkaitan. Ruang maklumat untuk bayaran pula perlulah ditandatangani oleh Dekan/Penolong Pendaftar/Ketua Projek/Ketua Bahagian. Pegawai penerima barang hendaklah memastikan ruang Perakuan Mengenai Mutu diisi, ditandatangani dan dicop oleh pembekal.
4. Dokumen asal pesanan rasmi yang telah lengkap diisi ini hendaklah dikemukakan ke Jabatan Bendahari bersama Invois Asal dan Nota Hantaran Asal yang telah ditandatangani oleh Jabatan/Syarikat untuk diuruskan bayarannya. YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan tidak lagi perlu mengisi Borang Pengesahan Penerimaan Barang-barang (B2).
5. Bagaimanapun, bagi pembelian-pembelian kurang daripada RM100.00 yang tidak menggunakan pesanan rasmi, Borang B2 hendaklah diisi dan dikemukakan kepada Bendahari bersama Invois dan Nota Hantaran Asal untuk tujuan bayaran. Bagi pembekalan-pembekalan yang masih dibuat oleh syarikat melalui pesanan rasmi lama, maka B2 masih perlu dikemukakan. Permohonan bayaran balik bagi pembelian barang-barang perlu juga mengemukakan Borang B2.